

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia, Enche  
Hussein Onn, di-Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim  
Johor Baharu, pada 28hb. Ogos, 1971, jam 8.30  
pagi.

---

Saperti yang tuan dan puan2 ketahui, Rancangan Malaysia Kedua baharu sahaja di-lancharkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak. Rancangan ini mengandongi matalamat2 yang di-tuju dan rancangan2 serta tugas2 Kerajaan yang hendak di-chapai dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Di-dalam Rancangan Perkembangan dan Kemajuan Pelajaran yang telah di-chapai di-peringkat Menengah, Maktab dan Universiti sangatlah mengkagumkan. Perangkaan2 mengenai-nya jelas menunjukkan bahawa kemajuan2 yang terchapai itu tidak ada tolok banding-nya di-dalam sejarah perkembangan pelajaran Menengah dan pelajaran Tinggi di-negeri ini. Mithal-nya bilangan murid2 Sekolah Menengah Rendah bertambah 63.5%. Bilangan murid2 Sekolah Menengah Atas pula bertambah sebanyak 112.1%, manakala bilangan di-Tingkatan VI pula bertambah 213.7%. Di-peringkat Maktab (tidak termasuk Maktab2 Perguruan) bilangan pelajar2 berlipat lebeh daripada empat kali ganda. Dan di-peringkat punchak sistem pelajaran kita ia itu di-Universiti2, bilangan mahasiswa bertambah 200%, daripada 2,835 orang pada tahun 1965 kepada 8,505 orang pada tahun 1971.

Perangkaan2 tersebut sahaja sudah chukup membuktikan bagaimana pesat dan giat-nya Kerajaan kita, melalui Kementerian Pelajaran menjalankan kerja2 pembangunan di-dalam bidang pelajaran untuk memberi peluang kepada saberepa banyak anak negeri mendapat pendidekan di-peringkat menengah dan atas demi kepentingan keseluruhan raayat dan negara. Tetapi perkembangan2 kuantiti yang banyak bersifat material sahaja tidak dapat memenohi hasrat raayat dan kepentingan negara salengkap-nya tanpa perkembangan mutu atau kualiti. Pelajaran yang di-beri di-sekolah2 tidak akan memberi faedah sa-penoh-nya kepada murid2 sendiri juga kepada masharakat dan negara jika tidak di-sesuaikan dengan keadaan dan keperluan negara dan keperluan zaman.

Perubahan, kemajuan dan perkembangan mutu pelajaran dan juga jiwa kanak2 di-sekolah2 banyak bergantung kepada perubahan, kemajuan dan perkembangan pada diri guru2 yang mengajar di-sekolah2. Pada kali ini, saya suka hendak menghadkan ucapan saya kepada matalamat2 dan tugas2 kita berkaitan dengan pendidekan dan latehan guru2.

Dalam tahun tujohpuloan ini kita tidak akan terlalu menumpukan usaha dan tenaga kita kepada melipatgandakan bilangan guru2 saperti yang telah kita lakukan pada tahun enampuloan dulu. Usaha2 untuk menghasilkan perkembangan kuantiti 'am-nya telah selesai.

Zaman pengambilan beribu2 orang guru tiap2 tahun dan zaman ranchangan2 latehan kilat sachara besar-besaran telah luput. Bagitu juga mementingkan penchapaian akademik semata2 di-institusi2 perguruan adalah tidak sesuai lagi dengan keadaan dan keperluan negara pada masa ini.

Pendek kata kita sedang memasoki suatu peringkat baharu dalam perkembangan pendidekan dan latehan guru. Peringkat baharu ini boleh di-anggap sabagai peringkat yang bermatlamat memaju dan memperkembangkan kualiti atau mutu pendidekan dan pengajaran di-sekolah2 melalui mutu atau kualiti guru2 yang di-lateh dan di-lateh samula dalam tahun2 tujohpuloan ini kelak.

Pendidekan dan latehan guru2 kita dalam tahun2 tujohpuloan ini hendaklah di-arahkan supaya berasaskan kapada Rukunegara dan di-selaraskan dengan matlamat2 khas yang terkandung di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua dan juga bahagian2 tertentu di-dalam Laporan Surohanjaya Di-Raja Aziz.

Guru2 memang saelok2-nya di-pilih daripada kalangan orang2 yang darjah kecherdasan dan penchapaian akademik-nya lebeh daripada darjah biasa. Tetapi kecherdasan dan penchapaian akademik yang tinggi bukanlah suatu2-nya sifat yang dengan sendiri-nya menjaminkan sa-saorang itu akan menjadi guru yang baik. Pendidekan dan latehan guru hendaklah meninggi dan memperkembangkan mutu pengetahuan ikhtisas dan menambahlengkap dan menambahsempurnakan sahsiah sa-saorang bakal guru sambil meninggikan juga mutu pengetahuan akademik-nya. Tujuan2 latehan guru dari segi ikhtisas, sahsiah dan akademik itu pula hendaklah di-selaraskan dengan keperluan2, matlamat2 dan chita2 harapan kebangsaan Malaysia.

Tiga matalamat dan chita2 harapan utama negara kita pada masa ini ialah menyatupadukan raayat daripada semua keturunan, melenyapkan jurang perbedzaan termasuk jurang perbedzaan pelajaran di-antara orang2 yang berada dengan yang tidak berada, yang di-bandar dengan yang di-luar bandar dan membina suatu masharakat progresif yang berorientasikan sains dan teknologi moden. Matlamat2 yang saya sebutkan itu kesemua-nya adalah lebeh sukar di-chapai daripada matlamat perkembangan kuantiti yang saperti telah saya sebut banyak bersifat material. Perubahan2 mutu dan jiwa tidak akan dapat kita buatkan jadual perangkaan-nya kelak dan amat sukar di-taksir dan di-buat nilaian dalam jangka pendek bahkan sa-tengah2-nya dalam jangka panjang sekalipun.

Walau bagaimana sukar sekali pun, kita perlu berusaha menchapai matlamat2 tersebut.

Untok meninggikan mutu pendidekan dan latehan guru keselurohan-nya dan menghilangkan salah sangkaan ramai bahawa darjah mutu kelayakan dan latehan yang perlu di-beri kapada guru2 adalah mengikut peringkat sekolah di-mana guru2 itu akan mengajar, latehan perguruan rendah dan menengah saperti yang terdapat pada masa ini akan beransor2 di-gantikan dengan mempersatu/mempersepadukan semua maktab2/pusat2 perguruan rendah dan menengah dari segi bidang pelajaran asas-nya, pensharah2-nya dan bangunan2 dan kompleks-nya juga. Pada masa hadapan kita akan mempunyai Maktab2 Perguruan dan tidak lagi di-bedza2kan saperti Maktab2 Perguruan Rendah dan Menengah.

Pensharah2 Maktab2 Perguruan akan di-beri peluang yang lebeh meluas dari samasa ka-semasa untok meninggikan pengetahuan dan kelayakan akademik dan ikhtisas mereka sesuai dengan dasar perkembangan terusmenerus dalam perkhidmatan bagi guru2 'am-nya. Ranchangan2 kursus masa chuti, kursus2 khas pendek dan panjang di-Universiti2 dalam dan luar negeri akan di-ikhtiarkan bagi pensharah2

supaya mereka senantiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan isi dan kaedah mengajar mata2 pelajaran dalam bidang pendidekan dan latehan guru. Seminar dan bengkel (workshop) pensharah2 akan menjadi gerakerja ikhtisas pensharah2 dalam masa chuti akhir tahun khas-nya dan lain2 masa jua 'am-nya.

Bidang pelajaran dan pendidekan di-Maktab2 Perguruan akan mementingkan berbagai jenis gerakerja luar, khidmat masharakat, pengalaman dasar2 Rukunegara sa-lain daripada memelihara darjah pengajian akademik dan ikhtisas masing2.

Kajian mengenai adat resam, keperchayaan, nilaihidup dan lain2 unsur budaya masharakat berlainan keturunan, di-bandar dan di-luar bandar dalam Malaysia ini akan di-jadikan satu daripada perkara2 yang wajib bagi semua bakal2 guru.

Pengetahuan dan kecekapan Bahasa Malaysia guru2 akan di-pertinggikan hingga tiap2 guru di-sekolah2 rendah dan menengah Malaysia akan dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan sapenoh-nya sabagai bahasa pengantar di-dalam dan di-luar bilek darjah dalam masa menjalankan tugas2 sekolah. Salari dengan tujuan tersebut bahasa pengantar di-Maktab2 akan berubah dengan menggunakan Bahasa Malaysia sahaja.

Bilangan guru2 sains, hisab dan mata2 pelajaran teknik dan vokeshenal akan di-tambah dengan menggunakan kemudahan2 dan tenaga pengajar yang ada di-Maktab2 Teknik dan Maktab Perguruan negara ini salain daripada di-Maktab2 Perguruan sendiri.

Demikianlah di-antara ranchangan2 Kementerian Pelajaran dalam bidang pendidekan dan Latehan Guru untuk melaksanakan perinsip2 Rukunegara, matlamat2 Ranchangan Malaysia Kedua dan Bahagian2 Laporan Surohanjaya Di-Raja Aziz.

Tuan dan puan2, saya sedar bahawa di-dalam ucapan bagini saya tidak dapat menerangkan dengan panjang lebar dan dengan saje las2 nya sesuatu matlamat, dasar atau ranchangan itu sapenoh-nya. Walau bagaimana pun saya berharap ucapan saya ini dapat memberi sedikit sebanyak petunjuk dan penerangan akan tujuan2 pendidekan dan latehan guru yang hendak di-chapai di-negara kita ini dalam jangka masa Ranchangan Malaysia Kedua dan dalam tahun2 tujohpuluhon saterus-nya.

Dalam lawatan saya ka-Maktab ini kali ini, saya berasa bertuah kerana di-beri penghormatan menerima alat2 sains berharga \$25,000 wang Malaysia dari Kerajaan Jepun yang di-berikan melalui Ranchangan Colombo.

Kapada wakil Kerajaan Jepun yang berada bersama2 kita pagi ini, Tuan Masahira Maeda, Menteri Kedutaan Jepun di-Malaysia, saya bagi pehak Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran menguchapkan ribuan terima kaseh di-atas sumbangan yang bernilai ini.

Di-harap tiap2 orang guru di-Maktab ini dapat faedah dari alatan2 yang di-hadiahkan untuk kemajuan pelajaran mereka sendiri dan raayat Malaysia apabila guru2 keluar mengajar nanti.

Saya juga menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan Jepun kerana telah dapat menghantar sa-orang pakar pelajaran sains, Tuan Takashi Annen yang di-tugaskan di-Maktab ini semenjak bulan April lalu.

Buat akhir kata, saya suka menyeru kepada pensharah2 dan pelajar2 Maktab khas-nya supaya membacha dan memaham dengan sadalam2 nya kandungan Rukunegara kita. Buku Ranchangan Malaysia Kedua dapat di-beri di-kedai2 buku supaya tuan2 dan puan2 memahami matlamat2 pelajaran dan pendidekan negara kita sapenoh-nya dan dengan itu menggembelingkan tenaga membantu melaksanakannya bagi kepentingan keturunan kita di-masa hadapan.



No Siri ..... 56  
No. Penerimaan ..... 56 / 80